

Pemerkasaan kualiti pengajaran guru melalui maklum balas penyeliaan

UB 11.5.2016 B4

TINTA PENDIDIK

Oleh PROF.MADYA DR.SABARIAH SHARIF dan CELLIA DAVID

EVOLUSI era ketamadunan bangsa-bangsa di dunia bermula dengan asas kesedaran bahawa dengan ilmu pengetahuanlah manusia mampu menggerakkan keupayaan bertindak memakmurkan diri, melaksanakan improvisasi ke atas taraf hidup malah mampu menginovasikan pelbagai sumber di muka bumi sebagai kemudahan yang melengkapkan kehidupan. Perkembangan kesedaran mengenai ilmu pengetahuan adalah hasil daripada pemerhatian terhadap fenomena alam, yang seterusnya menggerakkan interaksi akal dengan tingkah laku manusia. Tuntasnya, pemetaan landskap pendidikan di puncak ketamadunan akan mampu mengangkat darjah dan penghormatan terhadap sesuatu bangsa.

Sejarah perjalanan sistem pendidikan negara telah dan sedang menyaksikan kepelbagaiannya proses penambahbaikan dan penyesuaian mengikuti senario zaman yang sentiasa berubah. Reformasi pendidikan global turut mewarnai senario perubahan corak pendidikan di Malaysia. Sungguhpun demikian, perubahan dan penyesuaian ini masih kekal berlandaskan Falsafah Pendidikan dengan berpaksikan ideologi-ideologi negara yang terangkum melalui Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Asas kedinamikan tamadun manusia sehingga hari ini masih lagi dicetuskan melalui kualiti pendidikan itu sendiri yang meletakkan golongan guru sebagai aset kritikal selaku agen penyebar ilmu melalui proses pengajaran (Jane, 2011), dan dijadikan indikator dalam menentukan kepuasan ‘stakeholders’ (Mohamad Asri, 2014) serta paksi utama bagi menterjemah misi meletakkan kualiti pendidikan berstatus global menjadi realiti. Kajian lepas mendapati faktor paling dominan dalam memacu prestasi murid di sekolah adalah keberkesanannya peranan guru dalam mentransformasikan amalan pengajaran yang bersesuaian dengan rencamnya latar belakang, sosiobudaya dan prestasi murid di bilik darjah (PPPM 2013-2025; Bulska, 2008; Darling-Hammond, 2010; Goldhaber & Walch, 2014; Hamid, Hassan, & Ismail, 2012). Kajian mendapati bahawa sedikit penambahbaikan mutu pengajaran guru

di bilik darjah didapati menghasilkan anjakan prestasi pelajar secara signifikan (Chetty et al., 2012). Selain itu, Kane et al. (2008) melaksanakan kajian penilaian keberkesanannya guru selama enam tahun di bandar New York dan mendapati prestasi penyampaian ilmu oleh guru di bilik darjah merupakan indikator paling signifikan yang memberi impak terhadap pencapaian akademik murid.

Selaras dengan itu, isu penambahbaikan kualiti guru seringkali diberi prioriti melangkaui apa-apa juga dasar lain (Jala, 2010; George, 2008). Di bawah Program Transformasi Ekonomi (METP) yang diperkenalkan oleh kerajaan, golongan guru bukan setakat diharapkan agar kekal berkualiti di bilik darjah tetapi lebih inovatif dalam merealisasikan matlamat pembangunan negara (Unit Perancang Ekonomi, 2010).

Menyedari bahawa kecekapan guru di bilik darjah adalah berkait rapat dengan pencapaian prestasi akademik sekolah secara keseluruhannya, maka pemerkasaan amalan pengajaran guru perlu menjadi titik fokus pihak pemimpin sekolah bagi menangani sebarang kelemahan penyampaian pengajaran golongan guru di bawah tanggungjawab mereka. Hal ini demikian kerana pemimpin sekolah merupakan peneraju kejayaan sesebuah sekolah dan improvisasi amalan pedagogi guru mempunyai kaitan secara langsung dengan amalan kepimpinan dan penyeliaan pihak pemimpin sesebuah sekolah (Zsa Zsa, 2012). Dalam konteks ini, salah satu amanah yang diperturunkan kepada para pemimpin sekolah adalah melalui proses penyeliaan pengajaran guru di bilik darjah. Amalan penyeliaan merupakan aspek paling asas dalam karier seseorang yang bergelar guru (Chen, 2013). Golongan guru perlu menyedari permasalahan yang memerlukan perhatian yang segera dan oleh itu mereka perlu diselia dan maklum balas prestasi, kekurangan dan kekuatan amalan pengajaran mereka perlu dikomunikasikan (Kayaoglu, 2012). Perjumpaan secara kerap dan komunikasi antara penyelia dengan guru-guru yang diselia dapat mewujudkan elemen sokongan untuk menjana keberkesanannya dan kesesuaian amalan guru (Tang, 2012).

Sarjana mengakui bahawa proses penyeliaan menuntut banyak masa dan komitmen yang tinggi untuk dilaksanakan (Thompson, 2008) bagi memastikan matlamat akhir penyeliaan

itu iaitu untuk menambahbaik kualiti pengajaran guru dapat diterjemahkan menjadi realiti. Dalam hal ini, penyeliaan klinikal atau pencerapan di bilik darjah yang merupakan aktiviti yang kompleks (Mohd. Radzi Taib et.al, 2014) dan mekanisme yang kritikal bagi memantau perkembangan amalan pengajaran guru (Khaled Moradi et.al, 2014) memainkan peranan yang penting untuk memastikan pencapaian dan keberhasilan akademik pelajar dapat direalisasikan (Arlestig, 2014). Sistem penyeliaan yang berkualiti yang meliputi kemahiran berkomunikasi secara berkesan adalah kunci bagi menambahbaik amalan pengajaran guru (Yan Chen dan Yin Tang, 2012).

Walau bagaimanapun, sarjana seperti Kane (2012) yang melihat bahawa amalan penyeliaan merupakan mekanisme yang paling berkesan dalam menilai kekuatan dan kelemahan pengajaran guru mendapati bahawa tahap pelaksanaan maklum balas yang lemah menyebabkan manfaat tidak diperoleh oleh guru semaksimumnya. Selain itu, kajian mendapati bahawa terdapat guru tidak pernah mendapat maklum balas penyeliaan (Razianna, 2009) dan kurang menerima bimbingan yang konstruktif daripada pemimpin sekolah berkaitan status dan kualiti pengajaran mereka selepas dicerap (Mohd. Radzi et al., 2014; Khachatryan, 2015).

Oleh hal yang demikian, aktiviti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah perlu disempurnakan sebaik-baiknya melalui elemen maklum balas khususnya pada fasa selepas penyeliaan iaitu fasa perkongsian maklumat antara penyelia dan guru bagi melihat apa-apa kelebihan atau kekurangan untuk tindakan pemantapan dan penambahbaikan amalan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Tanpa elemen komunikasi yang berkesan dalam sesebuah organisasi, amalan penyeliaan yang dianggap sebagai the glue of a successful school oleh para sarjana seperti Glickman (2007) tidak akan mencapai matlamat akhirnya iaitu untuk memperbaiki amalan pengajaran guru dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik pelajar. - Penulis merupakan Profesor Madya yang bertugas di Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS manakala Cellia David merupakan Guru Cemerlang Bahasa Melayu yang kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Pendidikan di UMS.